Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Dengan ekonomi negara berada pada landasan pertumbuhan yang menggalakkan, MPC memutuskan untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang wajar pada bulan Januari 2018.**

OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan September dan November 2017. Walau bagaimanapun, pada mesyuarat bulan November, MPC menyatakan tahap akomodasi monetari boleh dikaji semula berdasarkan penilaian keadaan makroekonomi yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi Malaysia kini lebih mantap, manakala prospek pertumbuhan terus menggalakkan pada tahun 2018, berikutan jangkaan prestasi yang mampan dalam sektor domestik dan luaran. Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan kekal. Inflasi keseluruhan dijangka berada dalam julat ramalan yang lebih tinggi antara 3% - 4% pada tahun 2017 tetapi dijangka menurun pada tahun 2018. Inflasi asas juga dijangka menurun pada tahun 2018, berikutan peningkatan yang berterusan dalam kapasiti produktif meskipun permintaan domestik kukuh.

Dalam mesyuarat MPC pada bulan Januari 2018 baru-baru ini, penilaian yang dibuat oleh MPC menunjukkan pertumbuhan global dijangka berkembang dengan lebih pantas, dengan risiko terhadap prospek pertumbuhan yang lebih seimbang. Ekonomi dalam negeri berada pada landasan pertumbuhan yang menggalakkan. Purata inflasi keseluruhan dijangka lebih rendah pada tahun 2018, berikutan jangkaan bahawa kesan daripada faktor kos global semakin berkurang. Ringgit yang semakin kukuh berbanding dengan tahun 2017 akan mengurangkan kos import. Harga tenaga dan komoditi dunia dijangka meningkat pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada harga masa hadapan minyak dunia, yang masih sangat tidak menentu. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, juga sederhana.

Oleh itu, MPC mengambil keputusan untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang wajar dengan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. MPC menekankan perlunya tindakan awal diambil untuk memastikan bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar bagi membendung peningkatan risiko yang mungkin timbul daripada kadar faedah yang terlalu rendah untuk tempoh masa yang lama, terutamanya dalam persekitaran pertumbuhan yang tinggi. Kenaikan ini bukan bertujuan untuk mengetatkan keadaan monetari, tetapi untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang wajar, yang akan menyumbang ke arah memelihara pertumbuhan yang mampan, dan pada masa yang sama memastikan ruang dasar yang lebih daripada mencukupi untuk bertindak sebagai penampan sekiranya berlaku kejutan kepada ekonomi pada masa akan datang. Pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan.

Sorotan dasar lain pada suku keempat tahun 2017

Pada bulan Oktober 2017, Bank menggariskan Prinsip Pasaran Kewangan yang Adil dan Berkesan untuk Pasaran Kewangan Malaysia. Prinsip ini bertujuan untuk mencapai persekitaran pasaran kewangan yang diyakini, berdaya saing, berdaya tahan dan pada tahap terbaik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Di samping itu, sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan untuk memperdalam dan memperluas pasaran kewangan, Bank dan Jawatankuasa Pasaran Kewangan mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon dan menambah baik pengantaraan mudah tunai. Ini termasuk memperkenalkan jualan singkat MGII yang dikawal selia, menerbitkan Bil Antara Bank BNM (BNIB), dan meluaskan cagaran yang layak untuk Operasi Monetari.

Dalam sektor insurans, fleksibiliti yang lebih luas diberikan kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga berkenaan dengan kawalan kos operasi di bawah piawaian yang disemak yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Ini merupakan sebahagian daripada usaha pembaharuan yang lebih luas yang dilaksanakan demi menggalakkan peningkatan inovasi dan persaingan yang lebih sengit dalam industri insurans dan takaful.

Bagi melindungi kepentingan pengguna, Bank juga mengeluarkan piawaian yang telah diperkukuh untuk dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan kewangan dalam pengendalian maklumat pelanggan. Penyedia perkhidmatan kewangan dikehendaki memastikan perlindungan yang berkesan terhadap maklumat pelanggan dalam proses pengumpulan, penyimpanan, penggunaan, penghantaran, perkongsian, pendedahan dan pelupusan, selaras dengan undang-undang yang ditadbir oleh Bank.